

# Bahasa Inggeris tidak cabar patriotisme

BH 29 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tanggapan bahawa mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris dalam sistem nilai patriotisme rakyat adalah tidak benar.

Bercakap kepada *Bernama* dalam satu temuramah eksklusif di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, Selasa lalu, beliau berkata, ada orang mempunyai tanggapan salah bahawa mempelajari Inggeris bermakna kurang setia dan tidak patriotik.

"Mereka beranggapan dengan hanya bercakap dalam bahasa Melayu, menjadikan mereka seorang nasionalis dan ini tidak benar," katanya ketika ditanya mengenai mutu bahasa Inggeris yang rendah di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya orang Melayu.

Menurut laporan sebelum ini, mutu pendidikan, terutamanya pengajaran bahasa

dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia.

"Itulah nasionalis sebenarnya," katanya.

Ketika diminta mengulas kekurangan kandungan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan berikutan peralihan ke bahasa Malaysia di sekolah, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak wujud.

"Apabila kita beralih ke bahasa Malaysia, kita menekankan pentingnya bahasa Inggeris dari mula lagi, iaitu sejak 1960-an lagi apabila sekolah Inggeris ditukar kepada sekolah kebangsaan. Kita menekankan perlunya menguasai kedua-dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris," katanya.

Sementara itu, Seri Dr Mahathir Mohamad berjanji untuk terus berjasa kepada Umno walaupun selepas melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Menurut beliau, sumbangan itu mungkin dalam bentuk idea dan pengca-

mana beliau mahu terus menyumbang jasa kepada parti, Dr Mahathir berkata ia boleh dibuat dalam pelbagai bentuk.

"Mungkin jika mereka mahu bertanya sesuatu kepada saya, saya sedia menjawabnya. Jika mereka mahu saya membuat sedikit kerja, saya boleh melakukannya sejauh mana yang mampu," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila beliau akan menyerahkan tugas memimpin negara kepada penggantinya dan memberikan alasan beliau untuk berbuat demikian.

"Sebab saya biarkan orang meneka bila saya akan menyerahkan tugas kepada pengganti saya ialah kerana apa sahaja ura-ura yang saya buat mengenainya akan memberi kesan kepada ekonomi. Dan saya tidak mahu pilihan peribadi saya membawa kesan buruk kepada pasaran.

Inggeris di sekolah awam dan universiti tidak cukup baik untuk mengekal dan menyediakan negara untuk masa depan terutamanya untuk K-Ekonomi.

Dr Mahathir berkata, adalah malang sesetengah orang berpendapat bahasa Inggeris harus diabaikan sepenuhnya jika dia mahu dianggap sebagai seorang nasionalis.

Beliau berkata, ada orang yang menganggap jika seseorang itu nasionalis Melayu, maka dia hanya patut mempelajari bahasa Melayu.

"Tetapi malangnya orang-orang ini juga bercakap dalam bahasa Inggeris. Tetapi, pelajar Melayu sendiri berfikir jika mempelajari bahasa Inggeris, mereka tidak nasionalis, mereka tidak menyokong bahasa Melayu," katanya.

Perdana Menteri berkata, setiap kali kerajaan menekankan pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris, terdapat nasionalis bahasa yang percaya bahawa untuk menjadi nasionalis, seseorang itu hanya harus menggunakan bahasa Melayu.

Dr Mahathir berkata, seseorang nasionalis itu adalah seorang yang telah menguasai semua pengetahuan

huan yang beliau peroleh dalam tempoh jawatannya.

"Walaupun saya bukan lagi Perdana Menteri, apa sahaja pengetahuan yang ada pada saya, yang boleh disumbangkan kepada parti, saya akan menyampaikannya," kata Presiden Umno itu lagi.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau bersedia untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada penggantinya menjelang pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir selepas pilihan raya umum 1999 di-petik sebagai berkata penggal ini merupakan yang terakhir bagi beliau. Beliau menjadi Perdana Menteri pada 1981, menggantikan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Menurutnya, beliau "tidak boleh meninggalkan parti sesuka hati dan meninggalkannya begitu sahaja."

Dr Mahathir berkata, beliau menjadi Perdana Menteri dan presiden Umno kerana sokongan parti dan apabila tiba masa, beliau perlu terus menyokong parti walaupun setelah melepaskan jawatan pemimpin negara.

Ditanya dalam kapasiti

Mengenai cadangan yang pemergian beliau akan menyebabkan negara kehilangan besar seorang dengan keupayaan dan kaliber seperti beliau, Dr Mahathir berkata bukan bermakna yang jika beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri semuanya akan terjejas.

"Semuanya akan berjalan tetapi dengan cara yang berlainan," katanya.

Beliau berkata, yang hanya menjadi ciri lazim ialah Barisan Nasional (BN) dan Umno akan teruskan dengan dasar-dasar sama," mungkin dengan sedikit perubahan di sana sini tetapi secara asasnya ia tetap dasar yang sama."

Dr Mahathir berkata beliau mendapati agak ganjil sementara ada pihak yang mengancam dan menuduh beliau sebagai memerintah dengan kuku besi, ada pula pihak berkata jika beliau bersara, tiada yang lain untuk menggantikannya.

"Jadi terdapat pandangan yang bercanggah dalam hal ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, suka atau tidak, satu hari nanti beliau tetap akan pergi. "Jika saya meninggal dunia, sudah pasti yang lain perlu mengambil alih tugas saya," katanya.